

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dibincangkan dapatan-dapatan yang diperolehi daripada analisis data bagi jenis-jenis dan pola-pola ayat yang digunakan oleh subjek-subjek sekolah rendah dalam penulisan karangan bahasa Malaysia. Di samping itu pengkaji juga akan cuba mengesan aspek kelemahan yang terdapat dalam ayat-ayat yang dipilih oleh pelajar.

#### 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan persampelan iaitu sebanyak dua belas buah karangan yang dihasilkan oleh dua orang pelajar darjah tiga dan dua orang pelajar darjah lima. Subjek-subjek dikehendaki mengarang sebanyak tiga buah karangan setiap seorang. Tajuk-tajuk yang ditetapkan ialah jenis fakta, naratif dan ekspositori. Kepelbagaiannya jenis karangan ini adalah bertujuan untuk melihat kepelbagaiannya ayat yang dipilih oleh subjek mengikut jenis karangan.

Dapatan-dapatan yang diperoleh dalam kajian ini adalah seperti di bawah ini:

- a) Subjek darjah tiga menggunakan lebih banyak jenis ayat berbanding dengan subjek darjah lima. Dalam karangan subjek darjah tiga terdapat jenis ayat tanya dan ayat perintah manakala subjek darjah lima tidak ada jenis-jenis ini.

- b) Ayat tunggal merupakan pola ayat yang paling digemari oleh subjek darjah tiga iaitu sebanyak 34.5%. Manakala ayat tunggal pasif menduduki tempat kedua dalam senarai pola ayat iaitu 27.2%
- c) Subjek darjah tiga menggunakan sebanyak 30.7% ayat majmuk dan di kalangan pelbagai jenis ayat majmuk, ayat majmuk pancangan keterangan menyumbang peratus paling tinggi iaitu sebanyak 10.9%. Manakala ayat majmuk pancangan komplimen menyumbang hanya 1.8%
- d) Subjek darjah lima paling banyak menggunakan ayat kompleks iaitu sebanyak 35.5% berbanding dengan ayat tunggal yang hanya 9.6% dan ayat tunggal pasif sebanyak 11.3%
- e) Subjek darjah lima juga gemar menggunakan ayat majmuk pasif iaitu sebanyak 27.4% dan merupakan pola ayat yang kedua digemari oleh subjek darjah lima selepas ayat kompleks.
- f) Subjek darjah lima menggunakan pola ayat majmuk lebih dari pada sekali ganda penggunaannya oleh subjek darjah tiga. Subjek darjah tiga menggunakan 30.7% manakala subjek darjah menggunakan sebanyak 78.9% ayat majmuk.

Selain daripada dapatan-dapatan di atas yang telah dapat menjawab beberapa soalan utama kajian, terdapat juga dapatan-dapatan sampingan selepas analisis data iaitu berkaitan dengan aspek kelemahan yang terdapat dalam ayat bagi kedua-dua kumpulan subjek. Dapatan-dapatan sampingan itu disenaraikan seperti di bawah ini.

- i. Purata jumlah ayat yang ditulis bagi setiap karangan oleh subjek darjah tiga ialah 8.6. Manakala purata jumlah ayat yang ditulis oleh subjek darjah lima ialah 16. Ini

bermakna dalam setiap ayat jumlah purata panjang karangan subjek darjah lima adalah sekali ganda berbanding dengan subjek darjah tiga.

- ii. Subjek darjah tiga tidak mahir menggunakan penanda wacana yang perlu untuk menghubungkan ayat dalam karangan. Oleh hal yang demikian ayat-ayat kelihatan kurang lancar dan tersekat-sekat. Manakala subjek darjah lima lebih nampak penggunaan penanda wacana digunakan dalam penulisannya. Antaranya seperti, sebagai, walaupun, antaranya, manakala, dengan, kemudian, setelah, sesudah, sehingga, selain itu, ini juga, di samping itu, biarpun, oleh yang demikian.
- iii. Secara kasar skop perbincangan subjek darjah lima lebih luas dan lebih banyak isi dimuatkan dalam setiap karangan. Perbincangan subjek darjah lima lebih matang berbanding dengan karangan subjek darjah tiga.
- iv. Penggunaan imbuhan dan ejaan yang tidak tepat lebih ketara dalam karangan subjek darjah tiga berbanding dengan subjek darjah lima.

Pada keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penguasaan sintaksis antara subjek darjah tiga dan subjek darjah lima. Murid darjah lima menguasai lebih panjang sintaksis dan lebih tinggi kompleksiti struktur sintaksis daripada murid darjah tiga.

### 5.3 Implikasi

Dapatan daripada kajian ini mungkin dapat menjadi panduan bagi pihak yang berkait dengan bidang pendidikan terutamanya pihak yang telibat dalam menggubal Kurikulum Bahasa Malaysia bagi sekolah rendah. Dalam perancangan Kurikulum Bahasa Malaysia peringkat rendah adalah penting seseorang perancang kurikulum

mengetahui setakat manakah panjang struktur ayat dan kompleksiti struktur sintaksis yang perlu dikuasai oleh murid-murid dan apakah pendekatan, kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia bagi murid-murid yang berbeza penguasaan bahasanya.

Melalui dapatan kajian ini diharapkan satu ciri penguasaan sintaksis khususnya berhubung dengan pemilihan jenis dan pola ayat oleh murid-murid darjah tiga dan lima yang memperlihatkan penguasaan yang berbeza itu dapat memberi sumbangan kepada perancangan Kurikulum Bahasa Malaysia dalam menyediakan dan menggubal Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia di samping dapat menyusun kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia yang sesuai dalam bilik darjah.

Selain daripada itu dapatan daripada kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada pengarang-pengarang buku teks dan buku kerja Bahasa Malaysia peringkat darjah tiga dan lima.

#### **5.4 Cadangan**

Dapatan daripada kajian ini bukan satu generalisasi kerana subjek yang dikaji hanya terdiri daripada empat orang pelajar sahaja iaitu dua orang pelajar darjah tiga dan dua orang pelajar darjah lima.

Walau bagaimanapun dapatan ini kemungkinan dapat memberi sedikit gambaran mengenai keseluruhan apa yang benar-benar berlaku. Oleh itu diharapkan kajian yang

lebih menyeluruh berkait dengan kemahiran menulis murid-murid sekolah rendah perlu lebih banyak dijalankan. Antara cadangan kajian yang dapat dijalankan pada masa akan datang adalah seperti di bawah ini:

- i) Kajian penguasaan BM yang meliputi semua aspek bahasa perlu dijalankan terutama penguasaan bahasa aspek lisan di kalangan murid-murid sekolah rendah.
- ii) Kajian yang bukan aspek bahasa semata-mata malah aspek kognitif juga.
- iii) Kajian yang lebih luas yang melibatkan lebih ramai murid, latar belakang, jenis sekolah dan lokasi.

Mudah-mudahan dapatan daripada kajian-kajian yang bakal dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain dapat membantu meningkatkan kualiti bahasa Malaysia dikalangan pelbagai pihak amnya dan di kalangan pelajar-pelajar sekolah khususnya.

## MODEL PENULISAN KARANGAN

Sub-sub kemahiran penting bagi menghasilkan karangan yang baik berdasarkan pendapat ahli-ahli dalam bidang pengujian bahasa.

